

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH KUALA TERENGGANU  
DI KUALA TERENGGANU  
DI NEGERI TERENGGANU**

**DALAM PERKARA PERMOHONAN INTERLOKUTORI (MENCELAH)**

**PERMOHONAN NO: 11006-041-XXXX-2017**

**ANTARA**

**XYZ,  
KP:831103-11-XXXX**

**PEMOHON**

**DENGAN**

**XXYY,  
KP:831101-11-XXXX**

**RESPONDEN 1**

**AAXX,  
KP :911231-11-XXXX**

**RESPONDEN 2**

**DI HADAPAN TUAN HAKIM.  
TUAN HAJI SHAMSUDIN BIN NGAH, PJK.,  
HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH  
DAERAH KUALA TERENGGANU.  
DI KUALA TERENGGANU.**

**PADA HARI AHAD 8 OKTOBER, 2017.  
BERSAMAAN 17 MUHARAM, 1439H.**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, Permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu, Terengganu.

**Kehadiran:**

Hakim	Hadir
Pemohon	Hadir
Peguam Pemohon	Puan Salwa binti Mansor dari Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co
Responden	Tidak Hadir
Peguam Responden	
Kakitangan Mahkamah	Hadir
Jam	9.00 pagi

**Pegulam Syarie Pemohon-** Wakil Pemohon pada hari ini. Responden 1 dan 2 belum melantik pegulam lagi. Kes permohonan mencelah. Permohonan mencelah atas Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai No.Kes :11006-054-XXXX-2017 yang telah difailkan oleh Responden pertama. Kes induk adalah disebut hari ini. Sesalinan permohonan mencelah baru diserahkan kepada Pegulam Responden 1.

Jika mahkamah arahkan serahan dibuat terus kepada Responden 1 dan ke 2 akan diserahkan semula kepada Pihak-pihak.

Jika Pegulam Responden bersetuju, kes ini akan dijawab oleh Pegulam Responden.

**Pegulam Syarie Responden-** Sepatutnya kes induk ini dipanggil sekali dengan kes ini. Sebab kes induk telah ditetapkan tarikh bicara hari ini. Kami sedia dengan dua orang saksi hari ini. Pihak Pemohon dalam kes mencelah dipanggil sebagai saksi. Saya belum dilantik lagi dalam kes mencelah ini. Saya berhasrat untuk mewakili Responden- Responden dan saya akan jawab kes ini dan saya akan bincang dengan anak guam saya. Saya akan jawab permohonan ini dalam satu masa terdekat dan pohon satu keputusan berhubung dengan permohonan mencelah nanti.

Mahkamah arahkan Pegulam Responden dalam Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai memasukkan wakalah dalam permohonan mencelah dan menjawab permohonan mencelah tersebut.

**Tarikh sebutan semula : 17/10/2017** Selasa jam 9.00 pagi

t.t  
(Shamsuddin Bin Ngah)  
8.10.2017

**DI HADAPAN TUAN HAKIM.**

**TUAN HAJI SHAMSUDIN BIN NGAH, PJK.,**  
**HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA TERENGGANU.**  
**DI KUALA TERENGGANU.**

**PADA HARI SELASA 17 OKTOBER, 2017.**  
**BERSAMAAN 26 MUHARAM, 1439H.**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, Permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu, Terengganu.

**Kehadiran:**

Hakim	Hadir
Pemohon	Hadir
Peguam Pemohon	Puan Salwa binti Mansor dari Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co
Responden 1	Tidak Hadir
Responden 2	Tidak hadir
Peguam Responden	Tuan Haji Mokhtar bin Abdullah dari Tetuan Zamani Mohamad & Co.
Kakitangan Mahkamah	Hadir

**Peguam Syarie Pemohon** - Wakil Pemohon pada hari ini dan Peguam Responden hadir. Afidavit Jawapan telah difailkan. Sehubungan itu pohon dibuat keputusan atau sebaliknya pada hari ini.

**Peguam Syarie Responden** - Saya telah masukkan afidavit bantahan dalam kes Permohonan Mencelah ini iaitu No.Kes :11006-041-XXXX-2017.

Mahkamah akan tetapkan satu tarikh singkat untuk buat keputusan.

**Tarikh keputusan: 31/10/2017** Selasa jam 9.00 pagi

t.t  
 (Shamsuddin Bin Nгах)  
 17.10.2017

**DI HADAPAN TUAN HAKIM.**  
**TUAN HAJI SHAMSUDIN BIN NGAH, PJK.,**  
**HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DAERAH KUALA TERENGGANU.**  
**DI KUALA TERENGGANU.**

**PADA HARI SELASA 31 OKTOBER, 2017.**  
**BERSAMAAN 10 SAFAR, 1439H.**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, Permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu, Terengganu.

**Kehadiran:**

Hakim	Hadir
Pemohon	Hadir
Peguam Pemohon	Puan Salwa binti Mansor drpd Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co
Responden1	Tidak Hadir
Responden 2	Tidak hadir
Peguam Responden	Tuan Haji Mokhtar bin Abdullah dari Tetuan Zamani Mohamad & Co.
Kakitangan Mahkamah	Hadir

**Peguam Syarie Pemohon** - Wakil pemohon pada hari ini dan Responden diwakili oleh Peguamnya. Kes pada hari ini adalah untuk keputusan dan pihak-pihak bersedia untuk mendengar keputusan.

**Peguam Syarie Responden** - Saya tiada bantahan untuk keputusan untuk mencelah pada hari ini.

**Keputusan:**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, Permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu dengan kehadiran Pemohon bersama Peguamnya Puan Salwa binti Mansor daripada Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co dan Responden hadir bersama peguamnya Tuan haji Mokhtar bin Abdullah daripada Tetuan Zamani Mohamad & Co, setelah mendengar permohonan daripada Pemohon yang diberikan berserta affidavit Pemohon, dan permohonan bantahan daripada Peguam Responden-Responden **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PERINTAH SEPERTI BERIKUT :**

1. **SAYA LULUS** permohonan Pemohon XYZKP : 831103-11-XXXX dalam permohonan Interlokatori (Mencelah) sebagaimana Seksyen 19 Enakmen Tatacara Mal, Mahkamah Syariah Terengganu 2001.

2. **SAYA PERINTAH** PemohonXXYY KP : 831101-11-XXXX sebagai Pemohon dalam Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai No.Kes : 11006-054-XXXX-2017 hendaklah memasukkan nama PemohonXYZ KP : 831103-11-XXXX sebagai Responden kedua dalam permohonan tersebut .
3. **SAYA PERINTAH** Peguam Pemohon membuat pindaan terhadap Affidavit permohonan tersebut dengan memasukkan Pemohon sebagai Responden kedua dalam Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai dan menghantar satu salinan saman/Notis bersama affidavit tersebut kepada Responden kedua.
4. **SAYA PERINTAH**kos ditanggung oleh pihak-pihak.
5. Tarikh bicara Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai : **21/1/2018**  
Ahad jam 9.00 pagi

**DIBERI DIBAWAH TANDATANGAN** saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kuala Terengganu,di Kuala Terengganu pada hari ini 11 Safar 1439 hijrah bersamaan 31 Oktober, 2017.

t.t  
(Shamsuddin Bin Ngah)  
31.10.2017

**DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH**  
**DAERAH KUALA TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**  
**DI NEGERI TERENGGANU**

**DI DALAM PERKARA PERMOHONAN INTERLOKUTORI (MENCELAH)**

**PERMOHONAN NO :11006-041-XXXX-2017**

**ANTARA**

XYZ  
KP :831103-11-XXXX

...PEMOHON

DENGAN

XXYY...RESPONDEN 1  
KP :831101-11-XXXX

AAXX ...RESPONDEN 2  
KP :911231-11-XXXX

**DI HADAPAN TUAN HAKIM**  
**TUAN HAJI SHAMSUDIN BIN NGAH, PJK.**  
**HAKIM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH**  
**DAERAH KUALA TERENGGANU**  
**DI KUALA TERENGGANU**

**PADA HARI SELASA 31 OKTOBER 2017**  
**BERSAMAAN 10 SAFAR 1439H**

**ATAS PERMOHONAN** Pemohon, Permohonan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu, dengan kehadiran Pemohon bersama Peguam Syarie, Puan Salwa binti Mansor dari Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co. manakala Responden 1 dan Responden 2 hadir bersama Peguam Syarie, Tuan Hj Mokhtar bin Abdullah daripada Tetuan Zamani Mohamad & Co. Setelah mendengar permohonan Pemohon beserta affidavit dan affidavit jawapan, dan affidavit bantahan Responden 1 dan Responden 2, **MAKA PADA HARI INI TUAN HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:**

### **FAKTA KES**

Permohonan yang telah didaftarkan ini adalah suatu permohonan interlocutori iaitu permohonan bagi mencelah Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai, Permohonan No.11006-054-XXXX-2017 (*selepas ini disebut 'Kes Induk Lafaz Cerai'*) yang difailkan oleh Responden 1.

Pemohon merupakan isteri pertama Responden 1 manakala Responden 2 merupakan isteri kedua Responden 1. Pemohon berkahwin dengan Responden 1 pada 21/4/2005. Pada 20/11/2016, Responden 1 berkahwin secara poligami

dengan Responden 2 di Pejabat Majlis Agama Islam Wilayah Yala, Thailand. Perkahwinan Responden 1 dan Responden 2 telah disabitkan sah mengikut hukum syarak serta diberi pengiktiran undang-undang – Rujuk Permohonan Pengesahan Suatu Akadnikah Perkahwinan Secara Poligami, No. 11200-012-XXXX-2017 bertarih 9/8/2017.

Pada tiga tarikh yang berbeza-beza iaitu tarikh 25/11/2016, 8/12/2016 dan 11/3/2017, telah berlaku 3 siri insiden yang mengakibatkan Responden 1 melafazkan cerai talaq 3 secara berasingan terhadap Responden 2. Responden 1 mendakwa lafaz-lafaz tersebut diucapkan selepas menerima ugutan daripada Pemohon.

Responden 1 kemudian memfailkan Kes Induk Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai pada 28/8/2017 bagi memohon Mahkamah mengesahkan perceraian tersebut. Perbicaraan ditetapkan pada 8/10/2017 dan satu salinan sepina untuk memberi keterangan telah diserahkan dan diterima oleh Pemohon pada 28/9/2017.

Pada 4/10/2017 iaitu sebelum tarikh perbicaraan, Pemohon telah memasukkan permohonan untuk mencelah supaya memasukkan Pemohon sebagai Responden 2 dalam tindakan Kes Induk Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai.

Responden 1 dan Responden 2 membuat afidavit bantahan pada 9/10/2017 dan memohon permohonan mencelah Pemohon ditolak atas alasan berikut:

1. Permohonan mencelah dimasukkan ketika Kes Induk Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai hendak dibicarakan seolah-olah cuba melambatkan dan melengahkan prosiding kes.
2. Permohonan mencelah tidak melibatkan status quo Pemohon.

3. Pemohon telahpun disepina sebagai saksi dalam Kes Induk Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai untuk memberi keterangan.

Dalam Afidavit Jawapan yang difailkan Pemohon pada 15/10/2017, Pemohon menafikan bantahan Responden 1 dan Responden 2 bahawa beliau bukan bermaksud melambatkan kes tetapi hanya memberi keterangan tanpa memprejudiskan Responden 1 dan Responden 2. Tambah Pemohon, beliau mempunyai locus standi kerana prosiding tersebut memberi kesan langsung kepada diri dan kepentingan dirinya. Selain itu, Pemohon perlu mengemukakan saksi-saksi di pihaknya, bukan sekadar disepina sebagai saksi semata-mata. Oleh itu Pemohon memohon Mahkamah membenarkan permohonan ini.

### **ULASAN PENGHAKIMAN**

Dalam memutuskan permohonan ini, saya berpuashati bahawa hanya satu fakta persoalan yang menjadi isu, iaitu apakah Pemohon layak menfailkan Permohonan Interlokutori bagi mencelah Kes Induk Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai?

Dalam konsep mencelah, kebiasaannya pencelah merupakan seseorang yang pada asalnya bukan pihak di dalam sesuatu tindakan tetapi difikirkan mempunyai kepentingan dan mempunyai hak yang luas dalam sesuatu kes. Setakat ini, tidak ada peruntukan khusus atau panduan yang membenarkan atau menolak suatu permohonan mencelah melainkan dibenarkan mengikut Seksyen 19 (1) Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001, iaitu:

#### **19. Perubahan Pihak**

*(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Mahkamah boleh, atas kehendaknya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak pada mana-mana peringkat prosiding, membatalkan, menggantikan atau menambahkankan mana-mana pihak mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma yang adil dan patut.*



Kebenaran tersebut diberi secara luas bagi membuat apa-apa perintah yang difikirkan perlu, sekaligus membantu perjalanan prosiding dan menjamin keadilan kepada semua pihak, selari dengan prinsip yang dinyatakan. Maka melalui peruntukan di atas telah memberi kuasa kepada Mahkamah menambah mana-mana pihak pada mana-mana peringkat prosiding tetapi sebelum penghakiman dibuat, mengikut cara atau terma yang difikirkan adil dan patut.

Antara faktor utama yang membenarkan permohonan mencelah adalah sekiranya Pemohon terjejas secara langsung dengan hak undang-undang atau kepentingan peribadi beliau. Kes seperti *Pegang Mining Co. Ltd Iwn Choong Sam & Ors [1969] 2 MLJ 52* mengambilkira 'ujian' bagaimana permohonan mencelah boleh dibenarkan dengan melihat "*adakah hak atau liabiliti sesuatu pihak terhadap mana-mana pihak kepada tindakan yang menjadi perkara pokok kepada tindakan tersebut akan terjejas secara langsung dengan apa-apa perintah yang boleh dibuat dalam tindakan itu?*"

Dalam kes ini, Pemohon menyatakan tindakan Responden 1 bermula dari perkahwinan beliau dengan Responden 2 di Thailand tanpa sebarang makluman Pemohon telah memberi kesan secara langsung terhadap diri dan kepentingan beliau selaku isteri pertama, bukan sahaja kesan jangka pendek tetapi juga jangka panjang.

Saya mendapati Pemohon tidak menyebut apakah dan bagaimanakah kesan tersebut telah/akan menjejaskan diri dan kepentingan beliau. Namun secara mafhumnya saya berpendapat kesan tersebut lebih ke arah perihal hak-hak beliau selaku isteri pertama setelah berpoligami seperti hak kebendaan serupa nafkah zahir, tempat tinggal dan perolehan harta-harta rumahtangga; dan hak bukan kebendaan serupa nafkah batin dan layanan suami kepada isteri. Oleh itu memang benarlah kepentingan peribadi Pemohon boleh terjejas sekiranya tidak dijadikan salah satu pihak.

Tambahan pula, pihak yang memohon dimasukkan sebagai pihak-pihak hendaklah mereka yang dapat membantu Mahkamah melicinkan kekaburan dan kesulitan dalam prosiding kes seterusnya menilai satu sabitan terbaik. Dalam kes *Hee Awa & Ors Iwn Syed Muhammad Sazaly & Anor [1988] 1 MLJ 301, SC,*

Mohamed Azmi SCJ (ketika itu), dalam penghakiman tersebut berkata seperti berikut:

*“The person to be added as a party must be a person who ought to have been joined as a party or whose presence in court is necessary to ensure that all matters in dispute may be effectually and completely determined and adjudicated upon.”*

Pada pendapat saya, kehadiran Pemohon bersama saksi-saksi yang akan dibawa beliau amatlah diperlukan dari segi pencerahan terhadap gambaran keseluruhan insiden pada tiga tarikh berasingan tersebut dan mengelakkan berlaku tokok tambah daripada satu pihak. Maka penambahan Pemohon sebagai pihak akan menzahirkan fakta kes berhubung fakta sebenar insiden ugutan dan memberi ruang kepada Mahkamah memutuskan secara adil.

Oleh kerana Kes Induk Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai masih belum dimula bicara, apabila berlaku penambahan pihak tidaklah mengganggu atau memutarbelitkan fakta sedia ada, jika ada. Bahkan Pemohon berpeluang memeriksa keterangan Responden 1 dan Responden 2 serta saksi-saksi semasa soal balas bagi mencungkil maklumat yang tersembunyi atau hilang (*hidden/missing fact*) yang menguntungkan kes. Apabila kedua-dua pihak Pemohon dan pihak Responden 1 dan Responden 2 beserta saksi-saksi hadir maka bolehlah diambil keterangan dan melakukan *inquisitorial* khususnya berkaitan hal keadaan pada masa lafaz perceraian dan keadaan kedua-dua pihak selepas perceraian.

Saya ingin menarik perhatian kepada satu kes yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Ulang Bicara Mahkamah Syariah Negeri Sembilan, dalam *Kes Mustafah Bin Batcha Lawan A. Habeeba A/P A. Abdul Rahman, JH [1412] 41*. YA di Mahkamah Kadi Seremban, Negeri Sembilan, telah memutuskan jatuh talaq tiga apabila suami telah beriqrar melafazkan, “Saya cerai engkau, saya cerai engkau, saya cerai engkau,” kepada isterinya. Tidak ada keterangan bahawa YA yang mendengar dan memutus kes itu telah memanggil saksi-saksi yang ada. YA juga tidak menyelidiki tuntutan suami itu bahawa pada ketika dia melafazkan talaq itu, fikirannya tidak betul dan dia kena sihir. YA juga tidak

membuat catatan di dalam Rekod Perbicaraan sama ada dia ada memanggil dukun yang mengubati Perayu untuk mendapat keterangan bagi memastikan sama ada Perayu benar-benar sakit kena buatan orang (sihir) yang menyebabkan berlakunya lafaz cerai itu. Dr. Mahmud Saedon memberi keputusan Lembaga Rayuan. Jawatankuasa Rayuan berpendapat bahawa YA sebelum memutuskan kes tersebut hendaklah memanggil saksi untuk memberi keterangan agar semua pihak berpuas hati. Seperti yang telah diarahkan oleh Khalifah Omar, di dalam suratnya kepada Abu Musa al-Asyari, di antara lain beliau berkata: Sesungguhnya kehakiman itu adalah satu kewajipan mutlaq dan sunnah yang diikuti.

Fahamilah sesuatu perkara (kes) itu terlebih dahulu apabila ianya dihadapkan kepada kamu. [Abu Hasan Al-Mawardi, al-Ahkam Sultaniyyah, Matbaah Mustafa al-Babial-Halabi, Kahera, 1966, hlm. 71]. Dalam kes ini juga tidak langsung dicatatkan tentang latar belakang kes ini dan suasana sebelum, semasa dan setelah berlakunya perceraian. Sedangkan ini penting di dalam memutuskan sesuatu kes terutama jika kes diputuskan hanya melalui ikrar. Kes ini diputuskan untuk bicara semula.

Jelasnya di sini adalah adil dan patut sebelum memberi sabitan menimbang terlebih dahulu keterangan Pemohon, bukan secara sepina sebagai saksi tetapi sebagai pihak-pihak bagi meneliti segala isu persoalan yang berbangkit dari insiden berkenaan. Seterusnya saksi-saksi tertentu dari pihak Pemohon boleh dipanggil untuk menguatkan keterangan. Keperluan ini bertujuan mengelakkan satu tindakan sabitan kes yang tersalah arah diri sendiri.

Atas alasan-alasan tersebut saya berpendapat isu mencelah yang dikemukakan oleh Pemohon adalah bermerit. Maka adalah wajar permohonan Pemohon ini dibenarkan dan saya memutuskan sebagaimana berikut:

1. **SAYA LULUS** permohonan Pemohon dalam Permohonan Interlokutori (Mencelah) sebagaimana Seksyen 19 Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.
2. **SAYA PERINTAH** Responden 1 sebagai Pemohon dalam Permohonan Pengesahan Lafaz Cerai, Permohonan No. 11006-

054-XXXX-2017hendaklah memasukkan nama Pemohon sebagai Responden 2 dalam permohonan tersebut.

3. **SAYA PERINTAH** Peguam Syarie Responden 1 membuat pindaan terhadap Afidavit Permohonan tersebut dengan memasukkan Pemohon sebagai Responden 2 dan menghantar satu salinan saman / notis bersama afidavit tersebut kepada Pemohon.
  
4. **SAYA PERINTAH**kos ditanggung oleh pihak-pihak.

**DIBERI DI BAWAH TANDATANGAAN** saya dan Meterai Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu, di Kuala Terengganu pada hari ini Selasa, 31 Oktober 2017 bersamaan 10 Safar 1439H.

**METERAI**

**HAKIM SYARIE**